

12/03/1998

Wajib sedia ruang jemur kain

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang merangka garis panduan mengenai penyediaan kemudahan terutama untuk tujuan mencuci dan menjemur pakaian di semua bangunan kediaman berbilang tingkat baru.

Garis panduan yang turut merangkumi penyediaan tempat memasang jeriji dan alat hawa dingin itu bertujuan menjaga keindahan bangunan daripada dicacatkan dengan jemuran pakaian dan pemasangan yang tidak teratur.

Menterinya, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata draf awal garis panduan itu sudah disediakan dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan lain dan dijangka dapat diluluskan tiga bulan lagi.

Bagaimanapun, katanya, kementerian belum bercadang untuk menjadikan garis panduan itu sebagai undang-undang kecil yang wajib dipatuhi semua pemaju yang ingin membangunkan kediaman terbabit.

"Kemungkinan besar kita hanya akan menjadikan ia sebagai syarat kelulusan pelan untuk bangunan kediaman berbilang tingkat baru," katanya pada sidang akhbar di kementerianya selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet.

Antara agensi dan badan swasta yang terbabit dalam usaha itu ialah Kementerian Pembangunan Usahawan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Pertubuhan Arkitek Malaysia, Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia dan Institut Jurutera Malaysia.

Dr Ting berkata, usaha merangka garis panduan itu dilakukan berikutan teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai ketiadaan kemudahan itu di bangunan terbabit terutamanya rumah pangsa kos murah dan sederhana.

Katanya, satu pertandingan reka bentuk untuk tujuan itu turut dilangsungkan akhir tahun 1996 tetapi sambutan terutamanya daripada kalangan arkitek begitu mengecewakan.

"Jabatan Perumahan Negara hanya menerima 69 penyertaan dan tiada reka bentuk yang dicadangkan menepati kehendak kementerian dan tiada anugerah utama diberikan kepada peserta," katanya.

Menjawab satu soalan, Dr Ting berkata kerajaan tidak bercadang menghalang penghuni rumah pangsa sedia ada daripada menjemur pakaian mereka di beranda atau jendela unit masing-masing.

"Kerajaan cuma menggalakkan mereka menggunakan perkhidmatan mencuci pakaian supaya mereka tidak lagi perlu menjemur pakaian di luar," katanya.

(END)